

23/08/1999

Malaysia tawar jual pesawat Russia

Hafifi Hafidz in Ulan Ude (Russia)

ULAN UDE (RUSSIA), Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata potensi pasaran helikopter buatan Russia di Asia Tenggara amat besar dan Malaysia boleh turut serta memasarkannya.

Membuat tawaran itu sebagai mengakhiri lawatan tiga hari ke Buryatia di sini hari ini, Perdana Menteri berkata hubungan Malaysia dengan Russia dalam industri penerbangan sudah dirintis, sehubungan itu pelbagai pembangunannya sudah dimulakan.

"Kita sudah berjaya menjalin hubungan amat baik dalam industri penerbangan. Kita percaya ia boleh dijadikan kenyataan menerusi kerjasama," katanya pada sidang akhbar petang ini.

Awal minggu lalu, Perdana Menteri ketika melakukan lawatan kerja di Wilayah Khabarovsk melahirkan keyakinan Malaysia dan Russia boleh bekerjasama untuk mengambil pelbagai peluang dalam industri itu. Beliau melawat kilang pengeluaran pelbagai pesawat di Komsomolsk-na-Amure, wilayah autonomi itu.

Semalam, Dr Mahathir melawat Pusat Penerbangan Ulan Ude (UUAP) dan Malaysia ditawarkan untuk menghasilkan pesawat pelbagai guna C-16 yang mampu berlepas dan mendarat secara menegak.

Perdana Menteri memberitahu, sebagai permulaan kerjasama itu, Malaysia berminat untuk turut serta memasarkan helikopter, khususnya model Mi-171 buatan Russia.

"Kita percaya ada pasaran yang besar bagi helikopter Russia di Asia Tenggara tetapi pemasarannya tidak dibuat secara berkesan.

"Malaysia merasakan kita boleh membantu untuk memasarkan helikopter itu di rantau ini (Asia Tenggara)," katanya.

Malaysia ketika ini memiliki dua helikopter model MI 17 yang dibeli dari Kazan untuk digunakan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat bagi melawan kebakaran.

Ketika ini, di Asia, lebih 100 pesawat jenis itu sudah dijual. Bagaimanapun, semua pesawat itu terpaksa dihantar ke Russia apabila ia perlu diservis. Sehubungan itu, Aerospace Industries Malaysia Berhad (AIM) sedang berbincang dengan UUAP untuk membuka pusat penyelenggaraan helikopter itu di Malaysia.

Menyifatkan lawatan pertama ke republik ini sebagai sangat berjaya, Perdana Menteri berkata, Malaysia sedang membuat kajian untuk penggunaan Mi-171 secara meluas tetapi perlu diubahsuai mengikut keperluan.

Selain untuk Jabatan Bomba, Perdana Menteri berkata, angkatan tentera juga berminat untuk menggunakannya bagi kerja mencari dan menyelamatkan.

Ditanya mengenai pelawaan Russia supaya Malaysia turut serta melabur dalam pembuatan pesawat C-16, Dr Mahathir berkata, AIM sedang membuat penelitian mengenainya.

Menjelaskan hubungan perdagangan antara Malaysia dan Buryatia, Dr Mahathir berkata pengangkutan adalah masalah utama menyukarkan kegiatan itu dibuat secara besar-besaran.

"Saya yakin kita boleh mengadakan kerjasama perdagangan yang lebih rapat. Bagaimanapun kita tidak ada hubungan pengangkutan antara dua negara. Untuk membolehkan eksport dan import kedua-dua negara dipertingkat, masalah ini perlu diselesaikan," katanya sambil menegaskan banyak potensi pelaburan yang boleh diceburi oleh pelabur Malaysia.

Perdana Menteri mencadangkan publisiti dan maklumat secara meluas perlu disebarkan bagi membolehkan rakyat Malaysia dan Buryatia saling mengetahui

mengenai latar belakang negara masing-masing.

Katanya, ini perlu kerana pelabur Malaysia masih samar-samar mengenai dasar, syarat dan juga undang-undang perdagangan dan pelaburan di Buryatia. Sebagai permulaan, Perdana Menteri mencadangkan pertukaran program televisyen kedua-dua negara dilakukan.

Selain kegiatan industri penerbangan, perlombongan dan pembalakan, Dr Mahathir yakin industri pelancongan di sini juga boleh dimajukan dan disertai oleh pelabur Malaysia.

Katanya, Tasik Baikal boleh dimajukan untuk menjadi pusat pelancongan yang terkenal dan usaha mempromosikan perlu dibuat.

"Rantau sebelah sini masih tidak dikenali ramai penduduk Malaysia. Saya percaya dengan kerjasama dan hubungan yang sudah mula dibajai, Malaysia dan Buryatia boleh mendapat manfaat bersama," katanya.

Pada sidang akhbar itu, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali juga ditanya apakah tanggapan beliau mengenai Buryatia sebelum dan selepas melawat republik itu.

Menurut isteri Perdana Menteri, walaupun banyak perbezaan wujud antara Ulan Ude dan Kuala Lumpur, Malaysia dan Buryatia boleh bekerjasama memajukan banyak industri dan kegiatan ekonomi kedua-dua negara.

Sementara itu, Duta Malaysia ke Moscow, Datuk Yahya Baba berkata, jumlah perdagangan Malaysia-Russia tahun lalu ialah RM300 juta tetapi masih berpihak kepada negara itu.

Beliau berpendapat di sebalik pelbagai masalah dalam negara itu dan kerenah birokrasi, Malaysia mesti menjadikan Russia teman awalnya dalam perdagangan dan bukan hanya apabila segala masalah sudah dapat diatasi.

(END)